

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN
ONN, PERDANA MENTERI, DI
UPACARA MERESMIKAN WISMA
CUEPACS DI JALAN PASAR BAHARU,
KUALA LUMPUR, PADA HARI SABTU,
11HB MEI, 1976, JAM 5.00 PETANG.

S.

Saudara Pengerusi,
Y.B. Datuk Lee San Choon,
Presiden MTUC, Dr. P.P. Narayanan,
Presiden dan Ahli-Ahli Jawatankuasa CUEPACS,
Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur kerana dengan izin Allah, saya dapat hadir bersama-sama dalam upacara pembukaan Wisma CUEPACS petang ini. Inilah kali kedua saya dapat bersama-sama dengan saudara, kali pertama ialah ketika meletakkan batu asas bangunan ini, sempena Hari ^{pada} Kebangsaan, 31hb Ogos, 1974.

2. Saya sukalah mengucapkan terimakasih serta penghargaan, atas penghormatan yang diberikan kepada saya sebentar tadi, serta peluang meresmikan bangunan baru ini.
3. Mengambil kesempatan ini, saya suka juga menucapkan tahniah kepada anggota CUEPACS, khasnya pucuk pimpinannya, atas dayausaha mereka menjayakan pembinaan bangunan ini. Sesungguhnya, bangunan ini melambangkan simbol perpaduan ahli-ahli Kesatuan, di samping memberikan punca kewangan untuk mengukuhkan kedudukannya, dalam usaha membela dan memperjuangkan kebajikan dan kepentingan kaum pekerja dalam perkhidmatan awam.

bahwa

4. Saya penuh yakin, CUEPACS akan memberi semangat dan inspirasi yang kuat, kepada ahli Kesatuan ini bergerak lebih giat lagi, bagi mencapai cita-cita perjuangan mereka. Kerajaan memanglah menggalakkan pergerakan kesatuan sekerja yang sihat, sejajar dengan kemajuan dan keperluan negara yang mengamalkan demokrasi.

Saudara-saudara sekalian,

bahwa

5. Saya sukacita mendapat tahu, CUEPACS, di samping membela dan memperjuangkan kebajikan dan kepentingann ahlinya yang terdiri dari berbilang kumpulan dalam perkhidmatan awam, telah juga meneroka

ke lapangan perumahan, seperti menubuhkan Syarikat Kerjasama Serbaguna, yang telah melancarkan empat projek perumahan besar di Cheras, Segambut, Kajang dan Seremban, meliputi kawasan seluas 240 ekar, untuk membina lebih tiga ribu unit rumah kediaman untuk ahli. Usaha ini patut mendapat pujian, dan saya mendoakan agar Syarikat ini terus berjaya.

6. I understand that the total cost of the Scheme will be in the region of \$100 million. One of your problems will be ^{*the financing of*} ~~the financial resources~~ for the scheme. The Government will,

I ^{hope} ~~am sure~~, be able to assist by way of granting loans under the present housing loan scheme. I am aware that the loans presently given are inadequate, as the cost of constructing houses has increased.

^{therefore} Here, I would like to appeal that banks, ^{such as} ~~like~~ Bank Buruh, should ^{endeavour to} help ~~in a good way~~ in finding the financial resources for ^{the} workers housing scheme of the kind undertaken by CUEPACS. This is one of the purposes for which the Government encouraged the establishment of Bank Buruh. ^{In addition,} ~~Besides~~, the Government would like to see a consortium of banks pooling their resources to help ^{the} workers

undertake housing schemes of this kind.

7. I am also glad to note that CUEPACS, apart from being active in trade union matters, has also embarked on an industrial venture in Bagan Datuk, Perak, involving one of our main primary products, ~~the~~ *that is the* coconut industry. With the present ^{rather} low price of coconuts, thousands of coconut smallholders find it difficult to earn a decent living. However, I am told that the new technology introduced by Syarikat Perniagaan CUEPACS will, in some way, help smallholders in that area get a fair price for their ~~products~~ ^{coconuts} ~~and utilise coconut in producing~~ ^{which are used to produce} valuable proteins, and edible food products.

Saudara-saudara sekalian,

8. Dari usaha yang dijalankan oleh CUEPACS itu, jelaslah bahawa Kesatuan Sekerja juga, tidak ketinggalan untuk menyertai rancangan dan kegiatan industri di bawah Dasar Ekonomi Baru. Pada hemat saya, ini adalah natijah yang baik, kerana mereka tidak bergantung ^{semata²} kepada Kerajaan, tetapi berusaha dengan kekuatan sendiri, membaiki keadaan hidup ahli-ahli mereka.

9. Saya berharap segala kegiatan ini akan benar-benar mendatangkan hasil yang berfaedah, dan boleh dinikmati oleh semua lapisan pekerja dalam CUEPACS. Inilah satu contoh yang baik bagi menyemai semangat jayadiri ke arah berdikari, yang patut menjadi panduan kepada masyarakat amnya.
10. Saya suka memberi jaminan di sini iaitu, pihak Kerajaan akan sentiasa memberi sokongan dan galakan, dengan harapan usaha yang diselenggarakan, akan mencapai kejayaan sepenuhnya. Dengan adanya kejayaan ini, saya harap para pekerja Kesatuan ini, tidak akan kerap mendesak tuntutan kenaikan gaji, minta bonus dan lain-lain.

11. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengingatkan pemimpin dan ahli Kesatuan Sekerja bahawa, sungguhpun penglibatan Kesatuan dalam ^{sebarang} lapangan tambahan ~~ini~~ digalakkan, tetapi saya harap ia tidak menjejaskan atau mengurangkan kecekapan jentera pentadbiran Kerajaan, yang sepatutnya menjadi tugas utama mereka. Lebih-lebih lagi, pada masa ini, di mana negara sedang bersiap sedia melancarkan Rancangan pembangunan, yang memerlukan tenaga dan commitment perkhidmatan awam, di semua peringkat.

Saudara-saudara sekalian,

12. Peresmian Wisma CUEPACS ini besar maknanya, kerana kebetulannya upacara ini dilakukan pada tahun ketiga perayaan Hari Pekerja di negara kita. Pada hari ini, tahun lalu, Allahyarham Tun Abdul Razak, telah meresmikan penubuhan Bank Buruh yang sekarang bergerak cergas, menjadi simbol unionists dalam lapangan kewangan.

13. Dengan terdirinya bangunan ini, yang akan menjadi pusat tumpuan segala kegiatan Kesatuan, serta di sokong oleh bantuan kewangan dari Bank Buruh yang membiayai kegiatan pembangunan yang viable, masa depan para

pekerja tentu lebih terjamin. Terpulanglah kepada inisiatif tiap-tiap pekerja menggunakan peluang yang terdapat itu.

14. Sesungguhnya, tahun demi tahun, di hari perayaan kaum pekerja, Kesatuan Sekerja telah membuktikan kemajuan. Sempena dengan perayaan tahun ini, tiap-tiap pekerja patut membaharui azam dan tekad mereka ke arah sikap yang lebih dinamis dan progresif, supaya kehendak dan taraf hidup kaum pekerja dapat diseimbangkan dengan seluruh masyarakat negara ini.

15. Dalam hubungan ini, saya ingin melihat banyak lagi Kesatuan Sekerja mempunyai bangunan sendiri, bukan setakat untuk pejabat, tetapi

multi-purpose complexes yang boleh bersaing dengan badan-badan swasta. Ini boleh membuktikan bahawa kaum pekerja, bukan sahaja sanggup bekerja tetapi boleh memiliki harta, seperti bangunan dan sebagainya. National Union of Plantation Workers sudah menunjukkan contoh, demikian juga CUEPACS dan Transport Workers Union. Bahkan MTUC sendiri ada bangunannya. Saya akan berusaha memberi sokongan dan galakan, dalam projek bangunan seperti ini.

Saudara-saudara sekalian,

16. Menjelang pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga, para pekerja dalam perkhidmatan awam hendaklah bersiap sedia menghadapi cabaran yang

besar, serta menunjukkan kebolehan dan keupayaan memenuhi harapan rakyat yang tinggi, dalam melaksanakan dan menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

17. Samada dalam perkhidmatan awam mahupun di bidang swasta, para pekerja negara ini patutlah menunjukkan minat dan kecekapan yang tinggi. Mereka mesti mempunyai sikap bahawa perkhidmatan mereka bukan semata-mata hendak mendapatkan sara hidup yang lumayan, tetapi, yang pentingnya, mewujudkan satu 'work force' yang dedicated, jujur dan bekerja dengan penuh semangat kebangsaan, demi kemajuan dan kemakmuran negara serta rakyat seluruhnya.

18. Dalam usaha mewujudkan satu 'work force' ini, saya percaya di samping memperjuangkan kebajikan dan kepentingan para pekerja dalam tuntutan kenaikan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik, tugas Kesatuan ini haruslah merupakan sebagai badan penggerak bagi meningkatkan lagi kecekapan dan mutu jentera pentadbiran yang benar-benar boleh mencerminkan tenaga perkhidmatan utama negara.

19. Saya suka melihat dalam jangka masa yang tidak lama lagi, Malaysia akan dapat melahirkan ramai lagi pekerja-pekerja mahir dalam semua bidang pentadbiran, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain lapangan sains dan teknologi, supaya dapat memenuhi semua keperluan

yang dikehendaki.

20. Dalam usaha menyediakan tenaga bagi melaksanakan rancangan pembangunan ini, Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan pembekuan jawatan, seperti yang dikuatkuasakan semasa negara kita menghadapi kemerosotan ekonomi tahun lepas. Tujuan Kerajaan membatalkan pembekuan jawatan ini ialah, untuk memberi peluang kepada rakyat yang berkeelayakan, mendapatkan kerja dan menyumbangkan tenaga untuk pembangunan negara.

21. Berita ini, sebenarnya, telah agak ^{membochorkannya} 'basi', kerana ada pegawai yang telah berinisiatif mengumumkan berita ini lebih dulu dari saya. Walau bagaimanapun,

untuk pengetahuan umum, moleklah saya ulangi supaya diketahui oleh semua pihak.

22. Dalam hubungan ini, saya ingin juga menjelaskan ^{bahwa} maksud Kerajaan membatalkan pembekuan jawatan itu ialah, untuk memperkuhkan jentera pentadbiran, khasnya bagi pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga tahun ini. Keputusan itu bukan didorong oleh perkembangan ekonomi yang mula nampak cerah, yang mungkin menjadi alasan bagi Kesatuan Sekerja menuntut kenaikan gaji dan sebagainya.

Saudara-saudara sekalian,

23. Presiden CUEPACS telah menimbulkan soal pelaksanaan perakuan Suruhanjaya

Ibrahim Ali, serta pembayaran semula bonos kepada pegawai Kerajaan peringkat atas. Berkenaan dengan Laporan Ibrahim Ali, sebagaimana yang diketahui, perakuan Suruhanjaya itu adalah meliputi bidang yang luas. Oleh itu, perlulah kita bercermat dan kajian yang mendalam dibuat sebelum sebarang keputusan diambil mengenainya.

23A. Pada hemat saya, tidaklah bijak bagi pihak Kesatuan menuntut supaya Laporan itu dilaksanakan, pada tarikh tertentu. Kerajaan adalah bertanggungjawab, bukan sahaja kepada pekerja dalam perkhidmatan awam, tetapi juga kepada negara dan rakyat seluruhnya. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan Kerajaan memberi pertimbangan kepada Laporan itu secara teliti, dan ini sudah tentu memakan masa.

23B. Dalam hubungan ini, saya ingin menambah penjelasan mengenai cadangan Kerajaan memperbaiki skim tangga gaji polis. Kajian mengenai tangga gaji bagi kakitangan polis, dari pangkat Ketua Inspektor ke bawah telah siap. Ini merupakan phase pertama dalam proses integrasi. Kerajaan akan memberikan keputusan dan persetujuannya sedikit masa lagi.

23C. Dalam kajian phase kedua, iaitu bagi pegawai polis pangkat ASP ke atas, perkara ini juga sedang dikaji, kerana ia terlibat dalam proses integrasi bagi seluruh pasukan polis di Malaysia. Sebarang pengkajian tangga gaji ini, tentulah memberi kesan kepada perkhidmatan

awam yang lain, dan kita terpaksa bercermat. Oleh yang demikian, perkara ini akan ditimbang selaras dengan sekim perkhidmatan awam yang lain. Apabila kajian phase kedua ini tamat, proses integrasi bagi seluruh pasukan polis akan selesai, sejajar dengan rundingan Jawatankuasa Antara Kerajaan.

23D. Di samping itu, Kerajaan juga adalah sedang memberikan perhatian berat mengenai tangga gaji angkatan tentera. Dalam hal ini, Kerajaan memberikan keutamaan kepada golongan peringkat bawah. Kelambatan pada mengkaji masalah tangga gaji tentera ini ialah kerana pihak tentera sendiri berusaha

menyediakan cadangan mengenai tangga gaji mereka itu. Saya sukacita menyatakan cadangan tersebut telahpun siap dibuat, dan Jawatankuasa Resmi Kerajaan telah mula mengkaji tangga gaji tersebut.

23D. Sekalipun kajian ini akan mengambil masa, Kerajaan akan menimbangkan perkara memberikan imbuhan sementara atau 'interim award' kepada anggota pasukan tentera, sehingga Kerajaan siap membuat kajian yang muktamad mengenai tingkatan gaji mereka itu. Saya harap masalah ini akan dapat dipersetujui oleh anggota pasukan keselamatan kita, yang sedang memberikan perkhidmatan cemerlang dan dedikasi, pada mempertahankan negara kita.

24. Mengenai bonus pula, saya sedar pegawai Kerajaan, bergaji \$1,001/= ke atas, merasa tidak puas hati oleh sebab bonos telah digantungkan mulai penghujung tahun lepas. Pernah saya menjelaskan bahawa tindakan Kerajaan itu adalah disebabkan kewangan negara, pada masa itu tidak sihat. Tetapi ini bukanlah seperkara yang muktamad. Jika sekiranya keadaan mengizinkan, pembayaran semula bonos, boleh ditimbangan. Bahkan masa ini, Kerajaan sedang mengkaji, samada pembayaran itu boleh dilakukan. Walau bagaimana pun, saya tidak fikir dengan ketiadaan

bonos, pegawai Kerajaan, yang sentiasa memberi perkhidmatan penuh tekun dan dedikasi, akan lemah semangat untuk terus bekerja membuat bakti itu.

25. Anihnya, di sinilah tempatnya saya mengumumkan keputusan Kerajaan menawarkan pembayaran bonos kepada semua peringkat pegawai Kerajaan. Malangnya, hari ini saya tidak dapat membawa berita baik mengenai restoration of the 13th month pay. At least not yet!

26. Sebagai penutup, saya suka menyebut mengenai tugas kakitangan perkhidmatan awam

terhadap soal keselamatan, kecekapan dan rasuah. Mengenai keselamatan, taat setia dan tumpuan tiap-tiap kakitangan ialah kepada negara dan Kerajaan yang memerintah. Tiap-tiap pegawai mestilah mengawasi kakitangan di bawahnya supaya tidak seorang pun, secara langsung atau tidak langsung berkhidmat, atau digunakan, oleh anasir subversif. Keselamatan harta Kerajaan, rahsia Kerajaan, tindakan Kerajaan, mestilah diberi perhatian sepenuhnya.

27. Dalam soal kecekapan, tiap-tiap pegawai mestilah mengawasi mutu kerja, dan sesiapa yang tidak boleh menghasilkan kerja, secara cekap dan cermat, patutlah

memilih, samada ia suka bekerja atau keluar memasuki lapangan lain. Mengenai rasuah, Kerajaan adalah tegas dengan pendiriannya untuk mempunyai pentadbiran yang bersih dan dedikasi. Kakitangan Kerajaan mestilah cuba hidup mengikut kemampuan dan lingkungan pendapatan masing-masing.

28. Akhirnya, saudara-saudara, saya ingin melahirkan bagaimana gembiranya saya melihat ahli-ahli CUEPACS, yang merasa megah dengan bangunannya sendiri. Saya penuh harapan agar bangunan ini dipelihara baik-baik supaya CUEPACS, sebagai ^{sebuah} Trade Union, boleh berbangga sebagai model property owner and employer.

29. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya meresmikan WISMA CUEPACS ini, dan mendoakan ahli-ahli CUEPACS berjaya dalam usaha mereka.

Terimakasih.



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



19/76 JUL 1978



No Siri	185
No Penerimaan	6/78